



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 19 RABU 11 MEI, 1966 1386 رابو 21 محرام PERCHUMA

PERSIDANGAN M.M.D. BRUNEI DAN MUARA

8 So'alan Mulut Di-Kemukakan

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan persidangan-nya kali yang ka-13 di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Sabtu 7 Mei, 1966.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Besar dan di-mulai dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak.

Beberapa so'alan mulut telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut oleh tiga orang Ahli dan semua-nya itu telah di-jawab oleh Kerajaan.

So'alan2 dan jawapan2 itu ada-lah seperti berikut:

(Lihat Muka 5)

D.Y.M.M. Di-jangka Merasmikan Pembukaan

Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu

Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-jangka akan merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktah Anthony Abell, Seria, pada jam 10 pagi hari Ahad 15 Mei, 1966.

Kursus Guru2 Besar tersebut akan di-mulai pada hari tersebut dan di-teruskan hingga ka-hari Khamis 19 Mei, 1966.

Kira2 200 orang Guru2 Besar dan Penulong2 Guru Besar Sekolah2 Melayu dari seluruh Negeri Brunei akan mengambil bahagian dalam kursus tersebut.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah berangkat ka-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang hari Ahad 8 Mei, 1966, untuk menyaksikan temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Melayu Rendah Sa-Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihatan diantara para hadirin di-temasha sokan tersebut. Dari kiri: Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff; Penulong Menteri Pelajaran, Y. B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; Penulong Menteri Pertanian, Y. B. Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Nadzir Sekolah2 Negeri, Awang Suni bin Idris; dan lain2-nya.

PAMERAN LUKISAN DAN PEKERJAAN TANGAN SEKOLAH2 MELAYU BRUNEI I BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Awang Norman Bradbury, Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran Brunei telah merasmikan Pembukaan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan murid2 Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu di-Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam Tambahan pada pagi hari Sabtu 7 Mei, 1966.

Awang Bradbury telah mengucapkan tahniah kepada murid2 sekolah Bahagian Brunei Satu terhadap kebolehan mereka yang begitu tinggi nilainya dalam lapangan seni lukis dan pekerjaan tangan.

Semenjak beliau berada di-Brunei enam tahun dahulu, kata Awang Bradbury, beliau telah tertarik hati dengan pekerjaan murid2 di-sekolah2 dalam negeri ini, terutama sekali dalam bahagian lukisan dan pertukangan tangan.

Bagaimana pun, Awang Bradbury berkata bahawa sehingga ka-hari ini, belum-lah ada sa-orang pun yang menjadi pelukis sa-bagai satu mata pencharian seperti di-lain2 negeri.

Beliau berharap, di-satu masa nanti, salah sa-orang daripada murid2 di-negeri ini akan menjadi pelukis yang ulong sekali.

Terlebih dahulu Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Haji Mohamed Yassin bin Haji Metasim telah memberikan satu

ucapan yang berharga.

(Lihat Muka 4)

Awang Norman Bradbury, Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran Brunei telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I di-Sekolah Melayu SMJA. Tambahan pada pagi hari Sabtu 7 Mei, 1966. Gambar ini di-ambil ketika Awang Bradbury sedang merasmikan pembukaan pameran tersebut. Di-kiri sekali ia-lah Setia Usaha Pameran itu, Awangku Tajuddin bin Pengiran Rabaha, Guru Besar II, Sekolah Melayu Pintu Malim, Brunei.



PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH BELAIT

SO'AL-JAWAB MULUT

KUALA BELAIT. — So'alan2 dan jawapan2 yang di-bentangkan dalam Meshuarat Ke-dua belas Majlis Meshuarat Daerah Belait baru2 ini ada-lah seperti berikut:

SO'ALAN2 OLEH Y.M.
AWANG LAMAT BIN
APONG

So'alan (1) Apa-kah dan bilakah, menjadikan sebab-nya Kerajaan tidak menjalankan "Lelangan Tanah" tapak menjual benzin untuk kaum Melayu Kuala Belait/Seria, yang saya tahu tahun 1965, tiada keberatan Kerajaan untuk tapak tanah menjual minyak ini dengan ini diharapkan penjelasan yang bermaksud-nya?

Jawapan (1) Dalam penyiasatan akan di-lelong apakala urusan2-nya selesai.

KAPAL2 SHARIKAT
MINYAK SHELL

So'alan (2) Pendaftaran B.S.P. Co., Ltd. dalam Negeri Brunei/Kerajaan Brunei berapa banyak-kah kapal2 kepunyaan sharikat ini telah di-daftar di-bawah peratoran2 perkapalan Negeri Brunei, jika kapal itu sudah berdaftar, kenapakah ia-nya tidak memakai bendera perkapalan Negara (mithal-nya Pantun seberang menyeberang sungai Belait)?

Jawapan (2) Tidak di-jawab kerana bukan masa'alah pentadbiran Daerah.

SO'ALAN2 OLEH Y.B.
AWANG ZAINAL 'ABIDIN
BIN PUTEH
PENJUALAN
TIKET2 LOTTERY

So'alan 1 (a) Apakah pendaftaran Kerajaan berkenaan dengan penjualan tiket2 Lottery Kebajikan Masyarakat Malaya, di-Daerah ini?

(b) Ada-kah penjualan tiket2 yang tersebut mendapat kebenaran dari Kerajaan?

(c) Ada-kah Kerajaan mendapat fa'edah dari penjualan tiket2 yang tersebut.

Jawapan 1 (a) dan (b) sila bacah Undang2 Common Gaming House.

(c) Tidak.

LANGKAH2 MENGENAI
USUL2 YANG
DI-LULUSKAN

So'alan 2 (a) Apakah langkah2 yang telah di-ambil oleh Kerajaan mengenai usul2 yang telah di-luluskan oleh Majlis ini dalam persidangan-nya pada 15 November, 1965 berkenaan dengan—

(i) menghadkan pengeluaran Licence Perahu Tambang dan peratoran2 keselamatan; dan

(ii) membaiki Lanting Tambatan Perahu dan Motor sangkut di-tembok berdekatan pasar ikan, Kuala Belait.

(b) Adakah Kerajaan berpendapat tidak mustahak perkara ini di-laksanakan se-

karang?

(c) Kalau Kerajaan berpendapat perkara ini mustahak, mengapa tidak di-laksanakan

Jawapan (a) (i) Sedang dalam penyiasatan.

(ii) Sedang di-uruskan oleh Kerajaan. Dari itu so'alan (b) dan (c) tidak berbangkit kerana jawapan (a).

PEMBENAAN
PANGGONG WAYANG
OLEH B.S.P.

So'alan 3 Bilakah masa-nya Kerajaan hendak memberikan Penjelasan2 Bertulis kepada Majlis ini berkenaan dengan "Maksud dan Tujuan Kerajaan membenarkan Sharikat B.S.P. Seria membena Panggong Wayang" seperti mana yang telah di-luluskan oleh Majlis ini dalam persidangan-nya pada 5 November, 1965?

Jawapan 3 Selepas selesai penyiasatan.

SO'ALAN2 OLEH Y.M.
MALAI MASHHOR BIN
MALAI HAJI ABDUL
HAMID

Sebagaimana tersebut dalam Rancangan Kerajaan, yang digelar RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA 1962-1966 itu ada beberapa fasal di-dalamnya yang saya tanyakan seperti:—

RANCHANGAN
KEMAJUAN
NEGARA
PEMBUKAAN
TANAH BAHARU

So'alan 1 Bab "A" Penyiasatan Asas—cheraian 4 Penyiasatan Pembukaan Tanah Baharu sechara beramai—

(a) Ada-kah sudah berjalan penyiasatan itu di-Daerah Belait ini?

(b) Jika sudah berjalan, setakat mana-kah di-jalankan penyiasatan-nya, dan di-mana tempat-nya, serta hasil2 yang harus di-jalankan?

(c) Jika belum di-siasat, apakah sebab musabab-nya?

Jawapan (a) Ada.

(b) Permula'an.

(c) Tidak berbangkit kerana jawapan (a)

PENYIASATAN
KESEHATAN

So'alan 2 — Dalam bab yang sama, cheraian 5 penyiasatan Kesehatan, Makanan dan Kebersihan—

(a) Ada-kah sudah di-jalankan penyiasatan itu di-

Daerah Belait ini?

(b) Jika sudah di-jalankan penyiasatan, setakat manakah usaha yang telah di-jalankan dan di-mana?

(c) Jika belum apa-kah sebab musabab-nya?

Jawapan 2 (a) Ada.

(b) Permula'an di-Daerah Belait.

(c) Tidak berbangkit kerana jawapan (a).

PENYIASATAN
BINATANG TERNAK

So'alan 3 Bab "B" Pertanian, Perhutanan dan Perikanan—cheraian 3 penyiasatan binatang ternak (termasuk ayam itek)—

(a) Ada-kah sudah di-jalankan penyiasatan itu di-Daerah Belait ini?

(b) Jika ada, setakat manakah sudah di-siasat, adakah kemungkinan berternak di-Daerah Belait ini?

(c) Jika belum di-siasat, apakah sebab-nya?

Jawapan 3 (a) Ada.

(b) Permulaan. Masih dalam penyiasatan.

(c) Tidak berbangkit kerana jawapan (a).

SEKOLAH PERTANIAN

So'alan 4 — Dalam bab yang sama, cheraian 4 Sekolah Pertanian di-masok juga di-bawah "Pelajaran dan Latehan" dan "Pembangunan Masyarakat"—

(a) Ada-kah sudah di-ranchang untuk Daerah Belait ini?

(b) Jika belum apa-kah sebab-nya?

Jawapan 4 (a) Belum.

(b) Sa-buah Sekolah Pertanian ia-lah untuk Negeri Brunei dan tapak-nya akan di-tentukan oleh Kerajaan.

BANTUAN WANG
UNTUK TUMBOHAN2

So'alan 5 — Dalam bab yang sama, cheraian 7 bantuan wang untuk tumbuhan2 lain dari getah—

(a) Ada-kah akan di-ranchang bantuan yang tersebut itu di-Daerah Belait ini?

(b) Jika tidak, apa-kah sebab-nya?

Jawapan — (a) Belum.

(b) Belum dapat di-kendalikan.

KEMUDAHAN
MENYIMPAN IKAN2
BAGI JUALAN

So'alan 6 — Dalam bab yang sama, cheraian 12 kemudahan2 untuk menyimpan ikan2 bagi jualan—

(a) Ada-kah sudah di-ranchang atau di-siasat projek ini untuk kepentingan Daerah Belait ini?

(b) Jika ada, apa-kah chara-nya dan setakat mana?

(c) Jika tidak ada, apa-kah bab2-nya?

Jawapan 6 — (a) Tidak.

(b) Tidak berbangkit kerana jawapan (a).

(c) Sudah ada di-punyai oleh orang awam.

PERUSAHAAN KECIL

So'alan 7 — Bab "C" Perniagaan dan Perusahaan — cheraian 2 kawasan untuk perusahaan kecil.

(a) Ada-kah sudah di-siasat atau di-ranchang projek ini untuk kepentingan Daerah Belait ini?

(b) Jika ada, setakat mana dan bagaimana chara-nya?

(c) Jika tidak, ada apa-kah sebab musabab-nya?

Jawapan 7 — (a) Ada.

(b) Permulaan.

(c) Tidak berbangkit kerana jawapan (a).

PENUBOHAN SHARIKAT
KERJASAMA

So'alan 8 — Dalam bab yang sama, cheraian 7 penubohan Sharikat Kerjasama Pengguna dan Pengeluar—

(a) Ada-kah telah di-siasat, dan di-ranchangkan untuk kemajuan ra'ayat dalam Daerah ini?

(b) Jika ada setakat manakah yang telah di-siasat dan di-ranchang?

(c) Jika tidak, apa-kah sebab-nya?

Jawapan — (a) Belum.

(b) Tidak berbangkit kerana jawapan (a)

(c) Belum dapat di-kendalikan.

SHARIKAT WANG
KEMAJUAN

So'alan 9 — Dalam bab yang sama, cheraian 8 penubohan "Sharikat Wang Kemajuan" untuk memberi pinjaman untuk tempoh yang sederhana dan panjang kepada perniagaan perusahaan, perhutanan dan perikanan—

(a) Ada-kah sudah di-siasat projek ini atau telah di-ranchang bagi kebaikan2 ra'ayat Negeri ini di-dalam Daerah Belait?

(b) Jika ada, setakat mana yang sudah di-ranchang atau di-siasat?

(c) Jika belum, apa-kah sebab musabab-nya?

Jawapan 9 — (a) Belum.

(b) Tidak berbangkit kerana jawapan (a).

(c) Belum dapat di-kendalikan.

(Bersambung)

Berbakti-lah Kapada Negara
Dengan Menggunakan
BAHASA MELAYU
Pada Sa-tiap Masa

PERADUAN LUKISAN DAN PEKERJAAN TANGAN SEKOLAH2

MELAYU BRUNEI DUA

JOHAN: S.M. DELIMA SATU BERAKAS

NAIB JOHAN: S.M. S.U.A.S. MUARA

BERAKAS — Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas, telah menjadi Johan dalam Peraduan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua.

Pameran tersebut telah diadakan di-Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas, pada pagi hari Ahad 1 Mei, 1966. Ramai bilangan kanak2 dari Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei Dua telah menghantarkan lukisan2 dan pekerjaan tangan mereka untuk di-perandingkan di-pameran tersebut.

Pameran itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Timbalan Pesuroh Jaya Pulis

Diraja Brunei, telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut.

Ini-lah julong2 kali pameran sa-chara tersebut di-adakan di-Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua.

Majlis itu di-mulai dengan ucapan oleh Pengerusi Majlis Pameran, Chegu Zainal bin Haji Panjang, Guru Besar Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas. Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Nadzir Kesenian Sekolah Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Sum bin Hashim selaku Wakil Jabatan Pelajaran Brunei, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua, Awang Mohamed Yusof bin Ampuan Daud dan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin

Awang Besar.

KEPUTUSAN

Keputusan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut: —

JOHAN ANTARA SEKOLAH2: *Pertama* — Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas. *Kedua* — Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara dan *Ketiga* — Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas. Piala2 perak untuk pemenang2 tersebut telah di-hadiahkan oleh Sharikat Glamour.

Selain daripada memenangi perisai tersebut, Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas, telah juga memperolehi Perisai Pusingan yang di-hadiahkan oleh Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua.

Berbagai2 jenis pekerjaan tangan dan lukisan telah di-pamerkan di-pertunjukan tersebut, ia-itu: Benda2 yang di-perbuat daripada tanah liat, daun2 kayu dan buloh; Menchorak dan kerja angan-angan; Benaan daripada kertas tebal; Gubahan bunga2 hidup dan Jahitan serta Lukisan awan

SETIA USAHA

PERTAMA

KAPADA P.J.T. TIBA

BERAKAS. — Awang John Adam telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Rabu yang lalu untuk berkhidmat sebagai Setia Usaha Pertama kepada Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei.

Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber telah menyambut Awang Adam dan isteri-nya semasa mereka tiba di-Lapangan Terbang Brunei pada hari tersebut.

larat dan pattern; Lukisan Pemandangan dan Lukisan Buah-buahan serta "Modern Art".

Pancharagam Sinaran Bintang dari Berakas, di-ketuai oleh Feze Suhaili telah bermain di-temasha tersebut. Pemain2 pancharagam itu ia-lah Suhaimi M. H.; H. P. Spawi; M. Z. Diah dan Zubri A. Z.

PERADUAN KESEHATAN KANAK2



Lebeh daripada sa-ratus orang kanak2 dari berbagai2 bangsa telah mengambil bahagian dalam Peraduan Kesehatan Kanak2 Sa-Negeri Brunei kali kedua yang telah dilangsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 April, 1966. Peraduan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Pertubohan Perikumpulan Perempuan Negeri Brunei.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu Bahagian Pertama terbuka kepada kanak2 yang berumur di-antara 6 bulan hingga ka-11 bulan dan Bahagian Kedua terbuka kepada kanak2 yang berumur dari 12 bulan hingga ka-18 bulan.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah mengurniakan hadiah Piala Perak yang berharga untuk pemenang pertama peringkat kedua peraduan tersebut.

Beberapa orang dermawan2 yang lain telah juga menghadihkan piala2 perak untuk kanak2 yang berjaya dalam Peraduan Kesehatan Kanak2 itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah binte Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim, Timbalan Penaung Pertubohan Perikumpulan Perempuan Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada kanak2 yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Berita peraduan tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu 4 Mei, 1966.

(Gambar Bawah):

Kanak2 yang berjaya dalam Peraduan Kesehatan Kanak2 Bahagian Kedua: Pemenang2 Pertama: Siti Maria binte Dato Isa dan saudara kembar-nya Siti Rafeah binte Dato Isa. Pemenang Kedua: Chu Wai Keong dan Pemenang Ketiga: Abdul Aziz bin Abdul Rahman.



(Gambar Atas):

Gambar ini di-ambil di-hadapan Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 29 April, 1966 sa-lepas di-adakan Peraduan Kesehatan Kanak2 anjoran Pertubohan Perikumpulan Perempuan Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihatan kanak2 yang berjaya dalam Bahagian Pertama peraduan tersebut. Dari kanan: Pemenang Pertama — Iskandar bin Yahya. Pemenang Kedua — Mona Lisa binte Nordin dan Pemenang Ketiga — Tan Wee Peng.

CHARA PERNIAGAAN BERPADIAN HARI INI DAN ESOK

APAKAH di-sebabkan pengaruh "moden" itu bisa membawa kerosakan atau membawa perubahan yang chepat bergerak terhadap chara2 perniagaan orang2 Melayu Brunei sekarang ini.

Para di-atas merupakan satu keraguan di-kalangan orang2 kita di-sini dan sa-hingga ini satu penantuan pun maseh belum di-chapai.

Tetapi satu chara perniagaan orang2 kita Brunei pada suatu ketika dulu yang di-tempatkan sa-bagai suatu chara yang sukar menghadapi keluntoran-nya pada masa ini sudah jarang2 benar kita nampak, kalau ada pun hanya sa-buah dua sahaja.

Tentang ini, timbul-lah ramalan2 bahawa chara perniagaan yang di-panggil orang "padian" itu, besar kemungkinan akan hilang lenyap pada beberapa waktu ke hadapan.

Dalam *Pelita Brunei* keluaran 6 Julai, 1960 pernah kami siarkan satu pandangan mengenai "padian" ini dan di-sana kami sifatkan bahawa chara perniagaan tersebut ada-lah menjadi kebanggaan Brunei yang menambahkan lagi serinya suasan dalam negeri.

Dalam renchana pandangan itu telah menyebutkan sa-bagai "intro-nya" bahawa satu daripada chara2 perniagaan orang2 Melayu Brunei yang boleh dibanggakan ia-lah chara berjual2an dengan memakai perahu yang di-kekelolakan oleh kaum wanita.

"Chara berniaga saperti ini maseh berjalan di-Kampung Ayer ia-itu antara Kampung Lurong Sikuna dengan Kampung Saba di-belakang Sekolah Melayu Lela Menchanai. Di-situ dapat di-lihat chara2 membeli belah yang di-lakukan oleh perempuan2 dengan berpuluh2 buah perahu saperti pasar keadaannya".

"Pemandangan yang sebok dengan membeli belah ini boleh di-dapati dari sejak pagi hingga ka-petang hari di-tempat tersebut.

"Pemandangan yang saperti ini sangat menarik perhatian terutama melihat dari jauh pada "siraong bini" (topi) yang di-pakai mereka itu sa-olah2 bergerak sa-bagai suatu tarian yang mempunyai irama".

Perhatikan-lah betapa menarik-nya minat penulis renchana tersebut terhadap "padian" itu sa-hingga beliau mensifatkan-nya sa-olah2 sa-buah lukisan yang amat nyaman di-pandang.

Tetapi apakah semua itu boleh kita lihat sekarang ini dan apakah kita akan berjaya melihat-nya kalau kita berkejar ka-belakang Sekolah Melayu Lela Menchanai dan apakah

kita berjaya pada melihat "siraong bini" padian2 tersebut yang di-sebutkan sa-olah2 bergerak2 saperti suatu tarian yang mempunyai irama?


Sudah tentu kita tidak akan berjaya melihat semua itu, kerana ia-nya beransor2 hilang tanpa sa-suatu sebab yang tertentu.

PENGAROH CHARA2 PERNIAGAAN

Maka timbul-lah satu pertanyaan bahawa apakah di-sebabkan pengaruh chara2 perniagaan yang moden ka-negeri kita ini, maka tenggelam-nya chara perniagaan "berpadian" itu.

Dari timbul-nya pertanyaan tersebut, maka timbul-lah juga suatu jawapan yang agak menakutkan.

Berkata-lah sa-orang padian



yang berumur kira2 80 tahun.

"Wanita2 muda masa ini sudah berlainan benar, mereka tidak lagi menggemari pada usaha2 yang di-anggap hina dan berbau".


"Sa-bahagian dari anak chuchu saya menganggap chara berniaga saperti itu sudah ketinggalan zaman, chara lama yang tidak boleh di-banggakan lagi".

Jawapan yang di-terima itu, kata-nya, ia-lah ketika beliau mengshorkan kepada salah sa-orang anak perempuan-nya supaya menyambong perniagaannya itu ketika beliau sudah tidak ada lagi dalam dunia ini.

Dengan itu, kata-nya, maksud saya untuk menggalakkan anak2 saya berusaha sendiri dan tidak mengharap orang lain atau untuk membantu suami mereka, tidak akan sia2.

Tetapi, "harapan saya itu hampa", jelas padian itu.

Ketika di-tanya, padian itu menjelaskan:



Dalam gambar2 atas dan bawah kelihatan di-antara padian2 yang menjalankan perniagaan mereka di-Kampung Ayer, Brunei.

antara sungai2 ini kita lihat betapa indah dan meriah-nya "floating market" itu.

Menurut kalangan yang tertentu bahawa sejarah permulaan "floating market" itu di-Siam ada-lah dilakukan sa-chara "berkecil2" sahaja ia-itu sama-lah macham usaha "padian" di-negeri ini.

Dari usaha2 kecil itu kita tidak menyangka yang pada satu ketika nanti merupakan satu usaha yang terbesar dan mendatangkan hasil negeri saperti yang terjadi di-"floating market" di-Siam yang dengan sendiri-nya, sa-bagai satu daya tarakan kepada pelancong2.

TEMPAT PEMBUKA SELERA

Di-"floating market" di-Siam itu sekarang ini sudah bagitu luas dalam bidang2 perniagaannya yang bukan hanya sa-kadar berjual2 barang2 makanan sa-hari2 saperti buah2an, sayur2an, ikan dan daging, tetapi juga sudah menjadi satu tempat pembuka selera baik makan mahupun minum.

Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan

(Dari Muka 1)

JULONG2 KALI

Awang Haji Mohamed Yasin berkata dalam ucapan beliau bahawa ini-lah pertama kali Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan murid2 Sekolah Melayu di-adakan di-Bahagian Brunei Satu.

Segala lukisan2 yang berjaya itu, kata beliau, akan dipamerkan di-Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.

Nadzir Sekolah2 Negara, Awang Suni bin Idris telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut.

Keputusan antara sekolah2 ada-lah saperti berikut: Pertama — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam. Kedua — Sekolah Melayu Lela Menchanai dan Ketiga — Sekolah Melayu Pintu Malim.

PASAR DI-ATAS AYER

Di-Siam usaha saperti itu lebih di-kenal dengan nama "floating market" atau "pasar di-atas ayer".

Pemandangan pasar di-atas ayer ini boleh kita lihat dengan lebih jelas lagi apabila kita menggunakan satu moto kecil yang melalui dari Sungai Chao Phya dan Klongs atau terusan ayer dan sa-panjang

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Mei, hingga ka-hari Selasa 17 Mei, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	11	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
	12	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
	13	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
	14	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
	15	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
	16	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
	17	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Berkhidmat-lah Sebagai Perajurit-Perajurit Askar Melayu Di-Raja Brunei

LEBEH KURANG 70 orang baru ada-lah di-kehendaki untuk berkhidmat dalam ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI mulai pada awal bulan Ogos tahun ini.

Umor —Di-antara 18 dan 25 tahun. Belum berkahwin.

Tinggi —Tidak kurang dari 5 kaki.

Bangsa —Bangsa Melayu dan ra'ayat Negeri Brunei.

Kelulusan—Pelajaran yang baik ada-lah berguna, tetapi tidak di-mestikan. Bagaimana pun, sukarelawan² mestilah lulus suatu ujian akal yang senang.

Tempat, Tarikh dan Masa Temu Duga—

(a) Di-Askar Melayu Di-Raja Brunei Perkhemahan Bahagian Bangar bagi sukarelawan² dari Daerah Temburong. Hari Khamis 26 Mei — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari.

(b) Di-Perkhemahan A.M.D.B., Berakas Brunei bagi sukarelawan² dari Daerah² Brunei, Muara dan Tutong. Hari Rabu 1 Jun — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari dan dari jam 2 petang sampai 4-30 petang. Hari Khamis 2 Jun — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari. Makan Tengah Hari boleh di-beri dalam Perkhemahan Berakas untuk sukarelawan² yang tinggal lebih dari 20 batu daripada Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.

(c) Di-Dewan dan Bilek Bachaan Awam, Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait bagi sukarelawan² dari Daerah Belait. Hari Ithnin 6 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari dan dari 2 petang sampai 4-30 petang. Hari Thalatha 7 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari.

Penerangan Lanjut — Sukarelawan² yang berkehendakan penerangan sa-lanjut-nya boleh-lah menulis kepada Pegawai Pemerintah, Kompeni Latehan, Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas, Brunei.



Gambar ini di-ambil semasa di-adakan latehan berbaris sa-bilangan perajurit² dari Askar Melayu Diraja Brunei. Lihat-lah bagaimana chergas-nya mereka berbaris.

8 So'alan Mulut Di-Kemukakan

(Dari Muka 1)

SO'ALAN² OLEH Y.M. PENGIRAN MOHAMMED BIN PENGIRAN LAHAB, WAKIL KAWASAN RAJA MUDA, BRUNEI.

So'alan 1. Dalam Pejabat Kenderaan Darat di-Daerah Brunei ini, selalu di-dapati sa-sa-orang yang hendak membaharui Lesen² Memandu Kenderaan terpaksa orang itu meninggalkan lesen² tersebut di-Pejabat itu menurut arahan Pegawai yang bertugas membaharui lesen² dalam masa satu hingga dua hari baru lesen² untuk di-baharui itu siap. Tidak-kah menjadi kesalahan dalam Undang² Lalu Lintas lebeh² lagi berlaku sa-suatu kemalangan jalan raya kepada sa-sa-orang pemandu itu dengan tidak membawa lesen² mereka disebabkan lesen² mereka itu masih dalam Pejabat yang berkenaan untuk di-baharui?

Jawapan 1. Dalam Undang² Lalu Lintas Tahun 1954 — Bab 78 (2) ada-lah menghadkan tempoh sa-lama 5 hari bagi sa-sa-orang itu mengemukakan lesen-nya bila di-pinta oleh Polis.

So'alan 2. Apakah Dasar² Kerajaan terhadap Usol² yang belum di-laksanakan oleh Kerajaan itu dan bilakah Kerajaan melaksanakannya?

Jawapan 2. Usol² dari Majlis Mashuarat Daerah ada-lah berupa NASEHAT² kepada Pegawai Daerah dan oleh yang demikian, Kerajaan tidak terikat untuk melaksanakan kesemuanya Usol² itu.

So'alan 3. Baru² ini beberapa orang penduduk² dalam Daerah Brunei, ra'ayat yang mempunyai Kad Pengenalan Brunei dan Kad² Pengundi dalam Daerah Brunei yang tinggal berdekatan dengan sempadan Daerah Brunei dan Limbang ka-Kampung Paya Karangan di-Ulu Kampong Limau Manis telah di-tangkap oleh Pengawal² sempadan yang terdiri dari Askar² Malaysia di-Limbang dan di-tahan beberapa hari baru di-bebaskan. Beri sebab²-nya apakah menyebabkan orang² tersebut di-tangkap dan apa-kah tindakan dan langkah² Kerajaan tentang penangkapan itu?

Jawapan 3. Orang² yang telah di-tangkap oleh Kerajaan Sarawak itu ia-lah orang² yang diam di-empadan Limbang/Brunei yang biasa membayar chukai di-Limbang dan Kerajaan Brunei tidak berhajat, buat masa ini, akan mengambil sa-barang tindakan ka-atas ini, kerana kedudukan Kampong ini belum dapat di-tentukan sama ada di-Limbang atau Brunei.

So'alan 4. Dalam Kawasan manakah dudok-nya Kampong Paya Karangan di-Ulu Kampong Limau Manis itu? Ada-kah termasuk dalam kawasan Daerah Brunei atau Limbang? Beri keterangan.

Jawapan 4. Seperti jawapan 3. SO'ALAN² OLEH YANG MULIA AWANGKU AHMAD BIN CHUCHU, WAKIL KAWASAN GADONG, BRUNEI.

So'alan 1. (a) Berapa lama-kah sudah Kerajaan membentuk Badan Penyiasat Harga Barang² di-Daerah Brunei dan Muara ini

dan berapa orang-kah mereka itu dan siapa-kah nama² mereka itu? **Jawapan 1** (a) Jawatan Kuasa ini telah di-bentuk dalam bulan Mach, 1965. Oleh kerana Jawatan Kuasa ini ada-lah di-bentuk membolehkan Kerajaan mendapatkan keterangan² yang tertentu terhadap perkara ini, maka nama² mereka tidak dapat di-siarkan.

So'alan 1 (b) Bolehkah Kerajaan menambah mereka itu dan sa-kira-nya boleh maka elok-lah Wakil Ra'ayat yang menjadi Ahli Majlis Mashuarat Daerah itu di-tambahkan lagi bagi mense-suai dan memuaskan hati ra'ayat?

Jawapan 1 (b) Kerajaan belum lagi berhajat untuk melantik Ahli² yang bukan kaki tangan Kerajaan kepada Jawatan Kuasa ini.

So'alan 2. Ada-kah Kerajaan berniat hendak mengembalikan senjata api kepada orang² yang mempunyai kebun di-Daerah Brunei dan Muara ini? Dan sa-kira-nya ada, bila-kah perkara ini di-jalankan?

Jawapan 2. Tidak.

SO'ALAN OLEH YANG MULIA AWANGKU MOHAMMED BIN PENGIRAN TUAH, WAKIL KAWASAN PEKAN LAMA, BRUNEI.

So'alan 1. Pada masa ini orang² kita Melayu tidak-lah begitu mudah untuk mencari pekerjaan atau meminta permohonan supaya dapat pekerjaan walau pun kerja² itu berat seperti korek dan company, hanya-lah nampak-nya orang² China dan Iban saja dan sedikit orang² Melayu. Apa-kah sebab² begitu sekali?

Jawapan 1. Perkara ini ada-lah tidak benar. Pejabat Buroh adalah sentiasa mengatasi perkara ini. Kebanyakan-nya orang² tempatan telah pun di-tawarkan kerja² di-contractor² dan sa-tengah-nya mereka tidak suka menerima. Orang² China dan Iban yang membolehkan mereka mengambil pekerja² dari luar negeri.

Oleh sebab orang² tempatan tidak suka menerima pekerjaan itu, maka kerja² itu terpaksa di-isikan oleh orang² luar negeri untuk menyegerakan kerja² yang telah di-berikan oleh Kerajaan kepada contractor² dan akan di-siapkan dengan sa-berapa segera. Dengan sebab ini-lah, pekah orang² tempatan sendiri membuka pintu kepada orang luar negeri masuk ka-negeri ini dan bekerja.

Pada masa ini, Pejabat Buroh ada beberapa banyak kerja² kosong di-Pejabat Buroh atas permintaan contractor², ia-itu pekerja² yang mahir, sa-paroh mahir dan buroh² kasar. Permintaan ini, Pejabat Buroh ada-lah mengutamakan kepada orang² tempatan dan Ahli² Majlis Mashuarat akan dapat bekerjasama dengan Pejabat ini untuk menghantar anak² buah mereka ka-Pejabat ini. Pejabat Buroh sukachita jika Ahli² dapat mengemukakan kedudukan perkara ini supaya jangan sampai pekerjaan² itu di-berikan kepada orang² luar negeri.

SOKAN TAHUNAN M.P.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah merasmikan pembukaan Perlawanan Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang kelemarin.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah² kepada pemenang² Perlawanan Sokan tersebut.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Ketua Jururawat Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 Ketua Jururawat Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei (3 jawatan kosong).

Tugas2 jawatan ini termasuklah menjaga Perkhidmatan Kesehatan Ibu2 dan Anak2 di-sebarang daerah di-Negeri ini.

Kelayakan2:

- Lulus S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.
- Mesti lulus dan mempunyai Sijil Pepereksaan bagi Pelawat Kesehatan.
- Kalau boleh hendak-lah pandai bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji: Dalam sukatan BW1 \$1020x40 - 1220 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji pujukkan akan di-bayar sekiranya berkhidmat menurut Peratoran2.

Tempoh Perkhidmatan: Se-

lama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Jun, 1966.

Sebagai Bidan Pelajar

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2 Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu, atau kelayakan yang sebanding dengan-nya, dan pandai bertutor dalam bahasa Melayu pasar.

Umor: Umor pada tarikh di-lantek hendak-lah di-antara 18 — 40 tahun. Mesti-lah belum kahwin.

Latehan: Chalon2 yang terpilih akan di-kehendaki menjalani satu kursus latehan selama 2 tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Setelah tammat tempoh latehan selama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalani kursus dengan memuaskan mungkin akan di-berhentikan.

Bidan2 pelajar akan di-kehendaki lulus satu pepereksaan selepas tammat kursus latehan itu.

Tugas2 Selepas Latehan: Bidan2 yang telah lulus akan bertugas di-kampung2 ia-itu di-klinik2 khas.

Tingkatan Gaji: Bidan Pelajar — \$152 sa-bulan.

Bidan (Terlateh) \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330.

Bidan (Staff Midwife) — 380x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Bidan2 pelajar yang di-lantek di-bawah ranchangan ini adalah berhak mendapat pakaian perchuma dan alaon dhobi.

Bidan2 terlateh ada-lah berhak di-naikkan pangkat menjadi Bidan (Staff Midwife).

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 25 Mei, 1966.

Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Jabatan Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

Kelayakan2: Chalon2 bagi pelantekan mesti-lah sudah berumur 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya

Form III Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

Gaji: Dalam sukatan D2 EB3 \$270x15 - 360/EB/380x20 - 480.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 21 Mei, 1966.

DI-PEJABAT HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Hal Ehwat U gama, Brunei: —

1. PENGETUA SEKOLAH UGAMA PEREMPUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman —

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun.
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;
- Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

2. PENGETUA MAKTAB PERGURUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;
- Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kebolehan dan pengalaman.

3. GURU SEKOLAH ARAB (PEREMPUAN).

Kelayakan2 dan Pengalaman—

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- Memegang Ijazah dari

mana2 University Islam yang di-akui atau pun memegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

(c) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidekan dan mempunyai Diploma Pendidekan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$660x30 - 900 atau \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: — Bagi jawatan2 Pengetua Sekolah U gama Perempuan dan Pengetua Maktab Perguruan, chalon2 yang di-pileh akan di-ambil berkhidmat sechารา berkontrek selama tiga tahun.

Bagi jawatan Guru Sekolah Arab (Perempuan) Chalon2 yang di-pileh akan di-ambil berkhidmat sechารา berkontrek selama tiga tahun termasuk masa enam bulan yang pertama sebagai dalam perchubanan.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2-nya, boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 Mei, 1966.

Kerani Tingkat Khas di-Pejabat Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Kerani Bahagian "BI" Tingkat Khas di-Pejabat Buroh, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburohan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 berkaitan dengan Pertubuhan Buroh Antara Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

Gaji: Dalam sukatan CI EB2 \$570x30 - 630-EB/660x30 - 900.

Sharat2 Lantekan: Sechารา berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubanan selama 6 bulan yang pertama.

Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 Mei, 1966.

Pameran Lukisan dan Pertukangan Tangan Sekolah2 Melayu Brunei III

PENGKALAN BATU.

Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak berkata kepada penduduk2 kampung Pengkal Batu dan lain2-nya bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan dengan segala daya upaya-nya mengadakan dengan sa-chukup2-nya sekolah2, bukan sahaja di-bandar2 atau pun di-daerah2, bahkan juga di-kampung2 pendalaman.

Awang Johari berkata sa-demikian sa-belum beliau merasmikan pembukaan Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan bagi Sekolah2 Melayu bahagian Brunei Tiga, di-Sekolah Melayu Pengkal Batu pada pagi hari Juma'at 6 Mei, 1966.

Dalam ucapan-nya, Awang Johari telah menyeru kepada ibu bapa dan penjaga kanak2 sekolah supaya mereka memimpin anak2 mereka ka-jalan yang berguna untuk masa hadapan sa-bagaimana yang di-harap2-kan.

Dalam peraduan seni lukis dan kerja tangan bagi sekolah2 Melayu bahagian Brunei Tiga, Sekolah Melayu Pengkal Batu telah mendapat tempat pertama, Sekolah Melayu Lumapas tempat yang kedua dan Sekolah Melayu Batu Marang tempat yang ketiga.

Hadiah2 telah di-sampaikan

Beratus2 orang Pandu Puteri dan Browni dari seluruh Negeri Brunei telah mengadakan satu perjumpaan yang meriah di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 30 April, 1966. Turut mengambil bahagian di-temasha itu ialah Pasokan2 Pengakap dan Palang Merah.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar Duli ka-Temasha Perjumpaan Pandu2 Puteri dan Browni2 tersebut.

Dalam gambar ini kelihatan satu pertunjukan yang di-persembahkan oleh Pandu2 Puteri di-temasha itu.

oleh Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak.

Sa-belum Awang Johari merasmikan pembukaan pameran tersebut Nadzir Sekolah2 Negeri, Awang Suni bin Idris telah menampai siji2 kepada penuntut2 Sekolah Melayu Pengkal Batu yang telah tamat belajar darjah enam dalam tahun 1964.

Majlis itu di-akhiri dengan persembahan Aneka Warna oleh murid2 dari Sekolah Melayu Pengkal Batu dan murid2 dari lain2 Sekolah Melayu bahagian Brunei Tiga.

Majlis Penyampaian Sijil2 Kelas Dewasa Di-Kampung Puduk

KAMPONG PUDAK. — Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhamad telah menyampaikan Sijil2 Kelas Dewasa Peringkat Permulaan kepada delapan orang penuntut di-Sekolah Melayu Puduk pada petang hari Juma'at yang lalu.

Sa-belum menampai siji2 tersebut, Awang Umar telah memberikan ucapan, dalam mana beliau telah menyeru penduduk2 kampung tersebut supaya bekerjasama dengan Kerajaan dalam segala lapangan.

Awang Umar menerangkan bahawa sa-banyak 210 buah Kelas Dewasa sudah pun diadakan di-dalam negeri ini dan tiap2 buah kelas itu ada-lah mengandungi tidak kurang daripada 20 orang penuntut.

Jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei yang berangkat ka-Tanah Suchi dengan kapal laut pada tahun ini, berjumlah seramai 187 orang telah selamat kembali ka-Tanah Ayer pada malam 29 April, 1966, selepas menunaikan fardhu Haji. Inilah satu pemandangan di-antara jema'ah2 Haji tersebut semasa kedatangan mereka di-Tambatan Kastam Diraja Bandar Brunei pada malam tersebut.

Beliau juga menyeru kepada penduduk2 kampung tersebut dan lain2-nya yang tidak pandai menulis dan membaca supaya mereka memasoki kelas2 dewasa kerana, kata beliau, Ilmu Pengetahuan itu ada-lah Kunchi bagi Kemajuan. Penuntut2 yang telah menerima Sijil2 Kelas Dewasa Peringkat Permulaan itu ada-lah seperti berikut:

1. Awang Hamid bin Haji Kamis;
2. Awang Hussain bin Lakim;
3. Awang Salim bin Tahir;
4. Awang Mat Yussof bin Lakim;
5. Awang Haji Duraman bin Tajuddin;
6. Awang Ahmad bin Haji Arshad;
7. Awang Metali bin Haji Safar;
8. Awang Haji Nasir bin Haji Bakar.



Pertandingan Sokan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei sedang membuat perediaan2 untuk mengadakan Pertandingan SOKAN BRUNEI pada tahun ini.

Pertandingan sokan tersebut akan di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada hari Ahad 12 Jun.

PERTANDINGAN SOKAN DAERAH2 BRUNEI DAN BELAIT

Pertandingan Sokan Daerah Brunei akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada hari Ahad 5 Jun.

Pada hari tersebut juga akan di-langsungkan Pertandingan Sokan Daerah Belait di-Gelanggang Sokan, Seria.

Sementara itu penaja Pertandingan Sokan Daerah Brunei menjemput semua ahli2 sokan dari Jabatan2, Persatuan2 dan Kelab2, Maktab2 dan Sekolah2 ka-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada tiap2 hari mulai jam 4-30 petang hingga ka-jam 6-30 petang untuk berlateh sa-belum di-langsungkan Pertandingan Sokan Daerah Brunei.

Pegawai2 Penjara Jerudong Berlateh Di-Taiping

BERAKAS. — Sa-orang Pegawai Penjara, Awang Chin Nyuk Foon dan tiga orang Wader dari Penjara Jerudong telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Singapura dalam perjalanan ka-Taiping Perak, pada hari Juma'at 6 Mei, 1966 untuk berlateh di-sana selama tiga bulan.

Wader2 tersebut ia-lah Awg. Jaidin bin Jambol, Awangku Metussin bin Pengiran Haji Momin dan Awangku Timbang bin Pengiran Haji Tajuddin.

Sementara itu sa-orang Pegawai Penjara, Awang Abdul Wahab bin Haji Md. Said telah kembali ka-Tanah Ayer baru2 ini sa-lepas berlateh di-Taiping selama sembilan bulan.

Perjumpaan
Pandu2
Puteri



\$131,000 Di-Gunakan Bagi Pembinaan Jalan2 Raya 5 Orang Pegawai² Baru Di-Kawasan Luar Bandar Daerah Brunei

Pulis Mendapat Sijil² Kepujian

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari 30 buah kampung di-kawasan luar bandar Daerah Brunei telah mempunyai jalan2 raya yang menghubungkan satu kampung dengan satu kampung yang lain.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar menyatakan pada hari Ithnin yang lalu bahawa jalan2 raya itu ia-lah sa-banyak 31 batang yang jumlah panjangnya 51½ batu.

Beliau menerangkan bahawa jalan2 raya itu telah siap dibina pada tahun yang lalu dan boleh di-gunakan oleh kenderaan ringan.

Awang Ali telah juga menyatakan bahawa 5 tambatan di-pengkalan2 telah juga siap pembinaan-nya pada tahun lepas.

Sa-lain dari itu 9 batang jalan2 raya panjang-nya 8½ batu sedang dalam pembinaan dan di-jangka akan siap pada

akhir tahun ini.

Jalan2 raya yang dalam pembinaan itu, kata beliau akan memakan belanja sa-banyak \$131,000.

Perkembangan luar bandar juga memerlukan pembinaan perigi2 yang berseih ayer-nya.

Sa-banyak 9 buah perigi di-Muara, Wasan, Fanchor Murai dan Burong Lepas sedang dalam pembinaan.

PERLAWANAN BOLA SEPAK DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan 3PKA akan melawan Sumbiling dalam Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari ini. Pada petang esok

SERIA. — Pesuruh Jaya Pulis Diraja Brunei, Dato Setia A. J. W. Slater telah menyampaikan Sijil2 Kepujian kepada sa-orang Inspektor, sa-orang Sarjan dan tiga orang mata-mata dalam satu upacara Perbarisan Khas di-Balai Pulis Panaga, Seria pada hari Sabtu 7 Mei, 1966.

Sijil2 Kepujian itu di-hadiahkan kepada Pegawai2 Pulis tersebut sa-bagai menghormati atas perkhidmatan mereka yang baik dan juga terhadap keberanian mereka.

Mereka ia-lah Inspektor Awang Ismail bin Zainal, Sarjan Awang Suhaimi bin Awang Damit, P.C. Awang Awi bin Abang, P.C. Awang Abu Bakar bin Ramli dan P.C. Awang Yassin bin Tuah.

pula, Sungai Kedayan akan melawan Sultan Lama. Perlawanan itu di-adakan di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

PEGAWAI2 BARU BRUNEI SPORTS CLUB

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 baru Brunei Sports Club yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong B.S.C. di-rumah persatuan itu pada pagi hari Ahad 8 Mei, 1966 ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua: Awang Hamid bin Awang Damit. *Naib Yang Dipertua:* Awang Francis Heng.

Setia Usaha Yang Kehormat: Awang Frankie Ho. *Bendahari:* Awang Johnny Quek. *Pemereksa Kira2:* Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Haji Mohamed Yusof.

Setia Usaha Sokan — Awang Abdul Hamid bin Ja'afar. *Setia Usaha Sosial:* Awang Chua Kong Seng. *Setia Usaha Minuman:* Awang Nicholas Chung.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, Awang Chua Kah Tong dan Ag. Lim Ah Pee.

Perlawanan Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei

JOHAN — BAHAGIAN BELAIT

NAIB JOHAN — BAHAGIAN BRUNEI I

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu Bahagian Belait telah berjaya menjadi Johan Semua Bahagian dalam Perlawanan Sokan Tahunan Sekolah2 Melayu Rendah Sa-Negeri Brunei pada tahun ini. Gelaran Naib Johan dalam bahagian ini di-sandangkan oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, manakala Pemenang Ketiga bahagian ini ia-lah Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II.

Perlawanan Sokan tersebut telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 8 Mei, 1966 dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff telah

merasmikan pembukaan temasha sokan tersebut. Beliau juga telah menerima Barisan Tabek Kehormatan dengan di-apit oleh Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof dan Pengerusi temasha sokan itu, Awang Abdi

Manaf bin P. H. A. Bakar.

Nadzir2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu dari seluruh negara telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2, sa-baik sahaja tiap2 achara perlawanan di-selesaikan.

Hadiah2 Kejohanan Sa-Negeri Brunei dan hadiah2 yang lain telah di-sampaikan oleh Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.

2 BUAH HELIKOPTAR JATOH TERHEMPAS DI-BERAKAS

BERAKAS. — Dua buah helikopter kepunyaan Sharikat World Wide yang di-sewa kepada Kerajaan Brunei telah jatuh terhempas di-dalam hutan berhampiran dengan Perkhema-han Askar Melayu Diraja Brunei pada pagi hari Juma'at 6 Mei, 1966.

Sa-buah helikopter itu telah jatuh semasa menjalankan pekerjaan biasa dan sa-buah lagi helikopter pula telah jatuh semasa ia pergi ka-tempat yang berlaku kemalangan tersebut untuk menyelamatkan pemandu helikopter itu.



Murid2 perempuan yang berlumba dalam gambar ini kelihatan semasa mereka mengambil bahagian di-temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Melayu Rendah Sa-Negeri Brunei di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 8 Mei, 1966.